

07/10/1999

Bonus minimum RM1,000 (HL)

Zulkofli Jamaludin; Wan Hazmir Bakar

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia menimbang permohonan Cuepacs untuk memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM1,000 bagi lebih 850,000 kakitangan awam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu permintaan itu berdasarkan kemampuan kewangan dan jika mampu kerajaan sedia memberinya.

"Kerajaan tidak akan menekan pekerja dan menafikan hak mereka. Kita akan kaji dan kalau boleh mengapa tidak.

"Harap mereka tidak akan mengambil tindakan perusahaan kerana ia boleh memburukkan negara," katanya ketika mengulas permintaan Cuepacs yang meminta kerajaan memberi bonus sebulan gaji.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sekembalinya dari Zimbabwe selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) 99, di Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini hari ini.

Turut menyambut kepulangan Perdana Menteri ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam dan Setiausaha Agung Barisan Nasional, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Semalam, Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, dilaporkan berkata, kesatuan itu yakin kerajaan memandang positif cadangan kesatuan supaya menetapkan RM1,000 sebagai bayaran bonus, yang secara tidak langsung bertujuan membantu pemulihan ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, Cuepacs tidak perlu menekan kerajaan kerana pertengahan tahun ini, kakitangan awam sudah menerima pemberian khas sebanyak RM600 yang dibayar dalam tempoh enam bulan.

"Tidak minta bonus pun, kita bagi. Kalau kita ada duit kita bagi. Kalau tidak ada duit janganlah tekan kita. Kita nak cari duit di mana," katanya sambil mengucap terima kasih kepada kesatuan itu yang tidak menekan kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa berlaku adil terhadap kakitangan awam dan sebab itu mereka menerima pemberian khas RM600, walaupun tanpa memberi tekanan dan memintanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Belanjawan tahun depan adalah belanjawan pemulihan untuk menggerakkan kembali ekonomi kepada asas yang kukuh selepas mengalami kegawatan ekonomi.

Katanya, asas ekonomi perlu dikukuhkan supaya setiap rakyat berpeluang menikmati semula kemakmuran negara seperti sebelum kegawatan itu.

"Saya boleh memberi jaminan bahawa segala usaha akan dilakukan untuk membolehkan ekonomi kembali pada asas yang kukuh agar setiap orang akan menikmati kemakmuran di negara ini," katanya.

Belanjawan 2000 akan dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober ini oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin. Tahun lalu Perdana Menteri sendiri membentangkan Belanjawan defisit bagi merangsang semula ekonomi negara.

Ketika diminta memberi butiran mengenai Belanjawan itu, Dr Mahathir berkata: "Itu saya tidak boleh beritahu."

Mengenai penggabungan bank-bank kepada enam bank utama, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji semula jumlah itu jika bank-bank terbabit mengemukakan alasan jelas bahawa mereka menghadapi masalah dengan proses penggabungan yang dicadangkan.

Katanya, kerajaan menyerahkan kepada bank berkenaan untuk melaksanakan

penetapan Bank Negara itu serta terma penggabungan.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan memaksa mereka untuk bergabung tetapi mahu mereka berusaha menandatangani memorandum dan seterusnya melaksanakan penggabungan itu secara rundingan.

"Semua terserah kepada bank-bank itu, jika mereka rasa tidak mungkin dapat mencapainya, mereka kenalah beri alasan yang jelas.

"Tetapi apa yang kita tidak mahu lihat ialah kewujudan sebegitu banyak bank di Malaysia, bank kecil yang beroperasi dengan beberapa cawangan saja, itu tidak normal kerana mereka sentiasa menghadapi masalah," katanya.

Perdana Menteri, berkata penetapan jumlah bank kepada enam bank utama adalah secara arbitrari kerana kerajaan merasakan jumlah itu adalah baik.

Bagaimanapun, katanya, apabila kerajaan mengumumkan penetapan itu wujud masalah untuk membawa bank berkenaan ke meja rundingan dan memilih siapa yang akan menerajui.

Proses penggabungan itu membabitkan 21 bank komersil, 25 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar yang akan diterajui Malayan Banking, Multi-Purpose Bank, Bumiputra Commerce Bank, Perwira Affin Bank, Public Bank dan Southern Bank.

(END)